

KECERDASAN ROHANI DAN KESEJAHTERAAN MENTAL DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM

***Abduhakim Kaje Yamkee, Mohd Za'im AlThaqif Mat Rahimi, Mohd Faiz Mohd Yaakob & Syazwan Syah Zulkifly**

Universiti Utara Malaysia

**abduhakim_kaje_y2@ahsgs.uum.edu.my*

ABSTRACT

Spiritual Intelligence and Mental Well-Being are very important to study. These two variables are very significant to the competence preparation of a teacher. This becomes more interesting when this variable is being studied among teachers, especially for trainee teachers who are facing complex challenges and high demands from communities. Thus, this study aims to explore the influence of spiritual intelligence on mental well-being among Islamic Education trainee teachers. This study applied quantitative method and the data using questionnaires were collected from 103 trainee teachers from one a university in northern Malaysia. The collected data collected were analyzed using SPSS Version 20. The research findings showed the level of spiritual intelligence and mental well-being of the trainee teachers is high. The findings also showed that spiritual intelligence has a positive and significant relationship with mental well-being. Meanwhile, this study implies an importance to develop spiritual intelligence and mental well-being among trainee teachers.

Keywords: Spiritual Intelligence, Mental Well-Being, Islamic Education Teacher

PENGENALAN

Pendidikan Islam mempunyai susur galur yang penting dalam pendidikan negara. Pada era globalisasi ini, kerjaya sebagai seorang guru merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sangat mencabar (Siti Nur Ain Rembli et al., 2020) dan guru pendidikan Islam memerlukan pelbagai kemahiran serta kecerdasan bagi menongkah cabaran globalisasi. Sebagai seorang guru, tugas mereka tidak hanya terhad kepada mengajar mata pelajaran tetapi juga membekalkan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 yang relevan agar dapat menghadapi dunia yang semakin kompleks dan dinamik. Oleh itu, guru perlu memfokuskan pengajaran mereka pada kemahiran seperti kreativiti, kepimpinan, kemahiran berfikir kritis dan komunikasi. Selain itu, guru juga harus memahami dan menggunakan teknologi sebagai alat untuk meningkatkan pembelajaran dalam kelas (Azhar & Abdul Rahman, 2018).

Guru memikul tanggungjawab dalam membimbing dan mendidik seseorang supaya menjadi insan yang berilmu dan berakhlak mulia. Tanggungjawab guru bukan sesuatu yang mudah bahkan memerlukan kesungguhan dan ketaqwaan yang tinggi bagi merealisasikan harapan untuk melahirkan masyarakat yang bertamadun (Azri Bhari, 2022). Oleh demikian, guru hendaklah membina jati diri dari segi pembangunan kerohanian, pengukuhan spiritual dan mental bagi memastikan tugas mereka tidak terkeluar daripada tujuan asal mereka kerana tugas mereka adalah membantu pelajar bukan sahaja dalam pelajaran, malah menjadi mukmin yang taat kepada perintah Allah SWT (Nik Hasnah Ismail, 2014).

Di seluruh dunia, tekanan dan keletihan terus menjadi masalah dalam kalangan guru yang boleh membawa kepada kebimbangan dan kemurungan. Perkara ini dapat berdampak buruk pada kesihatan guru dan merupakan risiko untuk kesejahteraan fizikal dan mental yang buruk (Agyapong, 2022).

Sementara itu, menurut Irshad Ahmad Najar (2019) kesejahteraan mental memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesejahteraan guru dan meningkatkan kualiti pengajaran. Guru yang mempunyai kesejahteraan mental yang baik mampu mengubah kaedah pengajaran mengikut keperluan dan tuntutan. Apabila guru mengalami masalah mental, pelajar dalam kelasnya boleh mengalami peningkatan tahap tekanan. Menurut World Health Organization (2021) kesejahteraan mental adalah kondisi di mana individu dapat merasa bahagia, sihat secara mental, dan mampu mengatasi tentangan dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, semua guru perlu menjaga kesejahteraan mental dan kesejahteraan mereka kerana tekanan boleh menjejaskan keupayaan guru untuk mengurus kelas, merancang pelajaran, melengkapkan kurikulum, dan menjejaskan kesejahteraan pelajar dan sekolah secara keseluruhan (Agarwal, 2022).

Salah satu sebab kenapa kesejahteraan mental guru penting adalah kerana perkara ini memberi impak yang besar kepada prestasi kerja mereka. Kajian yang dijalankan oleh Ibrahim Safari (2020) mendapati bahawa semakin rendah tahap keletihan fizikal, emosi dan mental yang dirasakan oleh guru semakin tinggi tahap kepuasan kerja seseorang guru. Rendahnya tingkat kepuasan kerja guru mendorong keinginan mereka untuk meninggalkan kerjaya (Matveev 2021) dan pencapaian akademik yang lebih lemah serta motivasi pelajar yang tidak berkualiti (Madigan, & Kim, 2020). Ini boleh menyebabkan kekurangan guru yang berkelayakan dan penurunan pencapaian pelajar. Oleh itu, kesejahteraan mental guru memberi kesan yang ketara kepada pembangunan pembelajaran (Jimenez, 2021).

Dalam usaha untuk menggalakkan gaya hidup sihat, ramai orang meneroka cara yang berbeza untuk meningkatkan sumber mereka dan meningkatkan kebolehan mereka. Satu aspek penting yang sering diperkasakan adalah kecerdasan rohani, yang berfungsi dalam memupuk kebolehan yang membolehkan manusia menghadapi masalah dan mencapai matlamat mereka (Premjani 2022). Maka dalam konteks kesejahteraan mental dan fizikal dipercayai kecerdasan rohani mempunyai banyak faedah positif. Kecerdasan rohani membantu untuk meningkatkan keadaan kesejahteraan mental yang merupakan keperluan dalam menghadapi tekanan (Irenne & Wisesa 2020; Khosravi & Nikmanesh, 2014; Koenig 2010). Kecerdasan rohani diertikan sebagai keupayaan manusia untuk menanyakan tentang makna kehidupan dan hubungan antara kita dan dunia di mana kita hidup ini. Ini akan mengakibatkan peningkatan kesejahteraan psikologi individu serta mempunyai tujuan dalam kehidupan (Sahebalzamani et al., 2013). Siadari (2020), pula mengatakan kecerdasan rohani dikenali juga sebagai keupayaan untuk mencari penyelesaian kepada setiap cabaran kehidupan seharian. Maka, pertumbuhan rohani boleh menjadi asas kepada manusia untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan lebih bersepadu (Alrashidi et al., 2022).

Pelbagai kajian telah mencadangkan bahawa kecerdasan rohani mempunyai kesan positif terhadap psikologi seseorang (Satpathy & Samanta, 2020). Menurut Puchalski et al., (2009) kerohanian dan kepercayaan agama mempengaruhi cara orang menangani tekanan hidup dan penyakit yang serius. Kualiti hidup dan sokongan sosial manusia sering dipertingkatkan dengan kerohanian mereka. Ini disokong oleh kajian Siti Nazurulaina Haji Aripin et al., (2021), kecerdasan rohani dilihat sebagai faktor utama yang menyokong kesejahteraan mental remaja semasa mereka mengharungi masalah hidup. Begitu juga Nur Ayu Seftiani & Benny Herlena (2018) dalam kajiannya juga menunjukkan bahawa kecerdasan rohani dapat menjadi peramal kesejahteraan. Demikian itu, kecerdasan rohani diperlukan untuk kebijaksanaan dalam membuat pilihan yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi dan pembangunan manusia yang sihat (Vaughan, F., 2002). Kecerdasan rohani juga bertujuan untuk menguatkan ketaatan kepada Allah, memulihkan fitrah manusia, meningkatkan kekuatan diri, menilai masa dengan baik, dan bertanggungjawab. Dengan mencapai matlamat kecerdasan rohani, seseorang itu boleh menjadi insan yang seimbang dalam kehidupan rohani dan jasmani (Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, 2016).

Kesejahteraan mental adalah sebahagian daripada kesihatan rohani yang penting untuk dijaga. Sebagai makhluk Allah Ta'ala, manusia wajib menjaga dan memelihara kesejahteraan mental dan rohani secara seimbang agar dapat berfungsi secara optimum dan mencapai matlamat hidup yang diinginkan (Rosni

Wazir, 2020). Meskipun pentingnya kesehatan mental, namun menurut Rosni Wazir (2020) kesadaran tentang hal itu masih rendah di masyarakat. Masih ramai yang tidak menyedarinya, menafikannya, tidak berlapang dada, sebaliknya berfikiran negatif mengenainya. Kajian yang dijalankan oleh Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin (2020) menunjukkan kefahaman guru terhadap masalah mental adalah tidak mencukupi kerana kurangnya pendedahan terhadap masalah ini di sekolah. Maka mengatasi masalah ini sangat penting untuk membentuk generasi yang sehat, baik secara fizikal maupun mental (Rosni Wazir, 2020). Oleh demikian, kajian ini relevan untuk dilaksanakan, kajian ini secara umumnya adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh kecerdasan rohani terhadap kesejahteraan mental dalam kalangan guru khususnya guru Pendidikan Islam.

Serangan Pandemi COVID-19 telah mengubah corak kehidupan manusia, memperlambatkan pembangunan ekonomi dan memberi kesan buruk kepada sistem Pendidikan (Salwana Mohd Idris 2021). Bahkan banyak penemuan daripada kajian terdahulu menunjukkan kesejahteraan mental guru terjejas apabila mereka menghadapi kesukaran dengan perancangan dan penyesuaian pembelajaran (Mayasari et al., 2022). Kesan ini tentunya memberikan kesan kepada kesejahteraan mental guru. Dalam konteks guru Pendidikan Islam, perkara ini menarik untuk diteliti kerana guru Pendidikan Islam sepatutnya mempunyai kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental yang baik. Bagaimana pula kesejahteraan mental mereka dipersiapkan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan? Terdapat kajian yang dijalankan oleh Sze et al., (2022) mendapati guru berasa letih dari segi mental dan fizikal disebabkan oleh standard pengajaran baharu pasca COVID-19. Selain itu, kajian Ishak et al., (2022) mendapati pandemik COVID-19 menyebabkan kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan guru-guru Malaysia. Seterusnya kajian Wirawani Kamarulzaman dan Wirawahida Kamarul Zaman (2022) mendapati pandemik ini menyebabkan tekanan dalam kalangan tenaga pengajar. Bagaimana pula guru Pendidikan Islam dan bagaimana pula situasi guru pelatih Pendidikan Islam untuk mempersiapkan diri mereka sebelum menjadi seorang guru terlatih? Atas dasar ini terdapat keperluan untuk mengkaji kesejahteraan mental guru khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1- Mengenal pasti tahap kecerdasan rohani dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam.
- 2- Mengenal pasti tahap kesejahteraan mental dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam.
- 3- Menentukan hubungan antara kecerdasan rohani dengan kesejahteraan mental.

SOROTAN KAJIAN

Para penyelidik dan sarjana mendapati bahawa kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh signifikan terhadap kesejahteraan terutamanya dalam kajian yang melibatkan perubahan, terdapat hubungan antara kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental pada orang yang menghidap diabetes (Ajele et al., 2021). Dalam konteks ini juga kecerdasan rohani adalah sumber kritikal untuk meningkatkan daya tahan (Ahoei et al., 2017). Manakala Lee-Fong et al., (2022) pula mengaitkan psikologi insan dengan kesejahteraan hidup. Kajian beliau terhadap pelarian menunjukkan hubungan antara kecerdasan rohani dan kesejahteraan psikologi menghasilkan korelasi yang signifikan. Manakala dalam konteks rumah tangga pula menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap kesejahteraan mental terhadap pasangan suami isteri (Vijay m. & George J.W. 2020). Dalam konteks pendidikan Razia, (2019) mengatakan terdapat kesan signifikan kecerdasan rohani terhadap kesejahteraan bakal guru yang dijalankan di Uttar Pradesh, India.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik dan sarjana menunjukkan bahawa kecerdasan rohani memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal dalam pelbagai konteks seperti perubatan, psikologi insan, rumah tangga dan pendidikan. Namun, terdapat kekurangan kajian yang menggabungkan kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental dalam kalangan guru terutamanya di Malaysia. Oleh itu, kajian lanjut dalam konteks ini diperlukan untuk lebih memahami dan mengetahui hubungan antara kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental dalam kalangan guru di Malaysia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferens menggunakan dua set soalan selidik iaitu *The Spiritual Intelligence Self-Report Inventory* dan *The Warwick-Edinburgh Mental Well-Being Scale*. Justifikasi soal selidik ini dipilih kerana, soal selidik ini telah ditentukan oleh penyelidik terdahulu. Selain itu, kesahan kandungan dan kesahan pakar juga telah dilaksanakan. Soal selidik ini diedarkan kepada responden untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Penggunaan soalan selidik dalam kajian ini bertujuan untuk meningkatkan ketepatan dan kepastian dalam menjalankan analisis statistik, seperti yang dicadangkan oleh Hair et al., (2006).

Pesampelan Kajian

Kajian ini melibatkan 103 Guru Pelatih Pendidikan Islam di sebuah universiti di utara Malaysia sebagai responden kajian.

Instrumen Kajian

Soal selidik *The Spiritual Intelligence Self-Report Inventory (SISRI 24)* bagi mengukur tahap kecerdasan rohani yang dicipta oleh King 2008 digunakan. Soal selidik ini mempunyai 24 item. Manakala *The Warwick-Edinburgh Mental Well-Being Scale (WEMWBS)* bagi mengukur tahap kesejahteraan mental digunakan. Instrumen terdiri daripada 14 item perkataan positif yang berkaitan hanya kepada sifat positif kesejahteraan mental. Instrumen soal selidik kajian ini juga telah dilakukan ujian rintis bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah pun melepasi tahap kesahan pakar. Dalam kajian rintis yang telah dilaksanakan juga didapati nilai alpha Cronbach bagi pemboleh ubah Kecerdasan Rohani dan pemboleh ubah Kesejahteraan Mental adalah di antara 0.923 dan 0.947. Oleh itu, nilai Alfa Cronbach bagi setiap item soal selidik pemboleh ubah kajian menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi.

Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui penggunaan soal selidik yang disebarkan melalui *link Google Forms*. Soal selidik tersebut dirancang oleh peneliti dengan mengacu pada literatur yang relevan, kerangka konsep yang telah disusun, serta tujuan penelitian yang ditetapkan.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 20)*. Selain itu, perisian yang dipilih ini digunakan juga bagi membantu mencari jawapan kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan pada peringkat awal. Data statistik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu data deskriptif dan inferens.

Analisis Deskriptif

Bagi menjawab soalan yang pertama dan kedua dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk mencari nilai skor min dan sisihan piawai bagi ke dua-dua pemboleh ubah. Selain itu, untuk menganalisis data yang diperolehi, penyelidik menggunakan nilai rujukan skor min yang diadaptasi

daripada Harith Amlus et al (2014). Jadual 1.0 menunjukkan bagi skor min. Kaedah min yang tertera di Jadual 1.0 digunakan bagi menjawab soalan kajian, apakah tahap kecerdasan rohani bagi guru pelatih Pendidikan Islam dan apakah tahap kesejahteraan mental bagi guru pelatih Pendidikan Islam.

Jadual 1.0. Skor min dan Tafsiran

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Hasil perhitungan analisis deskriptif untuk kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental adalah (4.17) dan (4.18) Untuk dimensi dalam Kecerdasan Rohani, Pemikiran Kritikal (3.78); Penemuan Makna Peribadi (4.18); Kesedaran Rohani (3.85) dan Kesejahteraan Mental (4.18). Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah universiti di utara Malaysia adalah tinggi. Jadual 1.1 menunjukkan tahap bagi setiap pemboleh ubah dan dimensi berkaitan.

Jadual 1.1 Tahap Kecerdasan Rohani dan Kesejahteraan Mental

Pemboleh ubah	Min
Kecerdasan Rohani	4.17
a)Pemikiran Kritikal	3.78
b)Penemuan Makna Peribadi	4.18
c)Kesedaran Rohani	3.85
d)Perkembangan Sedar	4.04
Kesejahteraan Mental	4.18

Bil.	Kecerdasan Rohani	Min
1	Saya sering memikirkan tentang realiti kehidupan	4.42
2	Saya lebih memahami aspek rohani diri saya berbanding aspek fizikal (jasmani).	3.59
3	Saya pernah meluangkan masa memikirkan tujuan atau sebab kewujudan saya.	3.84
4	Saya mampu mencapai tahap kesedaran yang tinggi	4.08
5	Saya mampu untuk berfikir secara teliti tentang perkara yang berlaku selepas kematian.	3.57
6	Saya rasa agak sukar untuk memikirkan perkara selain daripada fizikal dan material.	2.50
7	Saya berupaya untuk mencari makna kehidupan untuk membantu saya menyesuaikan diri dalam keadaan tertekan.	4.11
8	Saya boleh mengawal diri apabila mencapai tahap kesedaran yang lebih tinggi.	4.21
9	Saya membuat pandangan sendiri tentang perkara seperti kehidupan, kematian, realiti, dan kewujudan.	2.97
10	Saya sedar tentang kepentingan hubungan antara saya dengan orang lain.	4.52

11	Saya mampu untuk mengenalpasti tujuan untuk hidup saya.	4.32
12	Saya mampu untuk bergerak bebas dalam tahap kesedaran yang berbeza.	3.80
13	Saya sering merenung maksud setiap peristiwa yang berlaku dalam kehidupan saya.	3.96
14	Saya menafsirkan diri saya secara rohani dan bukan secara fizikal.	3.34
15	Saya mampu untuk mencari makna disebalik kegagalan yang dilalui.	4.14
16	Saya sering melihat isu-isu dengan lebih jelas ketika dalam keadaan tahap kesedaran yang tinggi	4.22
17	Saya sering memikirkan hubungan antara manusia dengan alam semesta.	3.98
18	Saya sangat menyedari tentang aspek kehidupan bukan material.	3.90
19	Saya mampu untuk membuat keputusan mengikut halatuju kehidupan saya	4.17
20	Saya mengenalpasti kualiti manusia yang lebih bermakna selain daripada fizikal, personaliti, atau emosi mereka.	3.88
21	Saya amat mempertimbangkan kewujudan tenaga yang lebih besar.	3.78
22	Menyedari aspek kehidupan bukan material membantu saya berasa berpuas hati.	3.86
23	Saya mampu mencari tujuan berdasarkan pengalaman harian.	4.17
24	Saya telah membangunkan teknik dengan cara yang tersendiri untuk mencapai tahap kesedaran yang lebih tinggi.	3.93

Hasil analisis menunjukkan item yang kesepuluh adalah tertinggi dengan jumlah min (4.52) manakala item keenam adalah jumlah terendah dengan jumlah min (2.50). Item-item yg lain berada dalam lingkungan min (2.97) dan (4.42).

Bil	Kesejahteraan Mental	Min
1	Saya berasa optimis tentang masa depan	4.13
2	Saya berasa diri saya bermanfaat	4.18
3	Saya berasa tenang	4.17
4	Saya berasa ingin tahu tentang orang lain	3.56
5	Saya mempunyai tenaga untuk dimanfaatkan	4.29
6	Saya dapat menangani masalah dengan baik	4.09
7	Saya dapat berfikir dengan jelas	4.17
8	Saya berasa selesa dengan diri saya	4.12

9	Saya berasa rapat dengan orang lain	4.02
10	Saya berasa yakin	4.12
11	Saya berjaya membuat keputusan tentang beberapa perkara	4.31
12	Saya berasa disayangi	4.31
13	Saya berminat dengan perkara baharu	4.48
14	Saya berasa ceria	4.23

Hasil analisis menunjukkan item yang ketiga belas adalah tertinggi dengan jumlah min (4.48) manakala item keempat adalah jumlah terendah dengan jumlah min (3.56). Item-item yg lain berada dalam lingkungan min (4.02) dan (4.31).

Analisis Inferensi

Seterusnya bagi menjawab soalan yang ketiga, ujian korelasi *Pearson* digunakan dalam kajian ini untuk analisis inferens. Ujian korelasi *Pearson* digunakan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah bersandar (kesejahteraan mental) dan pemboleh ubah tidak bersandar (kecerdasan rohani). Bagi menganalisa data yang diperolehi, peyelidik menggunakan nilai rujukan skala pekali korelasi *pearson* yang tertera di Jadual 1.2.

Jadual 1.2. Nilai Skala Pekali Korelasi *Pearson*

Skala pekali korelasi <i>pearson</i>	Nilai
$0 < r < 0.19$	korelasi yang sangat rendah
$0.2 < r < 0.39$	korelasi rendah
$0.4 < r < 0.59$	korelasi sederhana
$0.6 < r < 0.79$	korelasi tinggi
$0.8 < r < 1.0$	korelasi yang sangat tinggi

Sumber: Diadaptasi dari kajian Selvanathan et al 2020

Seterusnya Jadual 1.3 di bawah menunjukkan keputusan Korelasi *Pearson* antara Kecerdasan rohani dengan Kesejahteraan Mental.

Jadual 1.3. Hubungan Kecerdasan Rohani dan Kesejahteraan Mental

Pemboleh Ubah	Kesejahteraan Mental	SIG
Kecerdasan Rohani	0.233	0.018

Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Keputusan analisis korelasi menunjukkan bahawa nilai korelasi adalah 0.233 ($r = .0233$) dan nilai kebarangkalian adalah 0.018 yang diuji pada aras signifikan 0.05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil dari aras signifikan ($p < 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kesejahteraan mental. Namun, hubungan tersebut memiliki kekuatan yang rendah, kerana nilai korelasinya hanya 0.233.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil pengiraan analisis deskriptif, didapati tahap kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental yang diperhatikan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sebuah universiti di utara Malaysia adalah tinggi. Tingginya tahap kecerdasan rohani menunjukkan guru pelatih memiliki kemampuan untuk mengembangkan dan mengakses dimensi spiritual dalam kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, kajian kualitatif perlu dijalankan untuk memperkukuhkan dapatan akhir kajian. Dapatan yang tinggi secara kuantitatif untuk keseluruhan pemboleh ubah ini masih boleh diragui dan dipertikaikan. Guru yang memiliki tingkat kecerdasan spiritual yang tinggi cenderung mengalami kesejahteraan psikologi yang lebih baik dan kepuasan kerja yang lebih tinggi (Pereira & Mathew, 2020). Selain itu, tingginya tahap kesejahteraan mental menunjukkan bahwa para guru pelatih memiliki keseimbangan dan kestabilan emosional yang baik. Mereka mungkin mampu mengatasi masalah tekanan, meghadapi tantangan dan menjaga kesejahteraan mental secara keseluruhan dengan baik. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa para guru pelatih memiliki asas yang kuat dalam hal kecerdasan rohani dan kesejahteraan mental.

Seterusnya, hasil analisis kolerasi pearson menunjukkan bahwa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kecerdasan spiritual dan kesejahteraan mental. Hubungan yang positif bermakna terdapat kecenderungan apabila kecerdasan rohani seseorang meningkat, kesejahteraan mental mereka juga cenderung meningkat (Suhaya Deraman et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa dimensi kecerdasan rohani mempunyai pengaruh positif terhadap kesejahteraan mental seseorang. Walau bagaimanapun, hubungan di antara kedua-dua variable kajian ini mempunyai kekuatan yang rendah, ini menunjukkan bahawa kecerdasan rohani hanya mempunyai pengaruh yang terhad terhadap kesejahteraan mental. Dalam konteks ini, faktor lain selain kecerdasan rohani mungkin juga mempengaruhi kesejahteraan mental, dan perlu dipertimbangkan dalam kajian yang lebih mendalam. Oleh itu, untuk memahami kesejahteraan mental dengan lebih lengkap, adalah perlu untuk menjalankan kajian lanjutan yang mempertimbangkan faktor-faktor lain yang dapat mempengaruhi kesejahteraan mental, selain kecerdasan rohani. Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan tahap yang tinggi untuk kedua-dua pemboleh ubah, namun, soal selidik yang menjadi kayu ukur kajian ini perlu diteliti dengan lebih lanjut. Selain itu, adalah dicadangkan soal selidik yang mempunyai nilai Islam perlu diuji untuk melihat kedua-dua pemboleh ubah ini dalam konteks Islam.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan hubungan kecerdasan rohani dalam meningkatkan kesejahteraan mental seseorang. Mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi dapat membantu seseorang berasa lebih puas, gembira dan harmoni dari segi mental. Oleh itu, perkembangan kecerdasan rohani boleh menjadi faktor penting dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mental individu. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan berharga kepada pihak insitituti pendidikan tinggi dalam memahami tahap kesejahteraan mental guru pelatih mereka. Hasil kajian ini juga boleh memberi asas kepada institusi pendidikan untuk mengintegrasikan pendekatan yang tertumpu kepada pembangunan kecerdasan rohani ke dalam program latihan guru pelatih, dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan mental mereka dan memperkayakan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan di sekolah.

RUJUKAN

- Azhar, M. Z. A. M., & Abdul Rahman, M. Z. (2018). Persepsi guru terhadap amalan pengurusan kualiti dalam pendidikan di Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 268-277
- Azri Bhari (2022, Mei 18). Mulia, hormat kepada guru. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/05/843058/mulia-hormat-kepada-guru>.

- Agyapong, B.; Obuobi-Donkor, G.; Burbach, L.; Wei, Y. (2022) Stress, Burnout, Anxiety and Depression among Teachers: A Scoping Review. *Int. J. Environ. Res. Public Health*, 19, 10706. <https://doi.org/10.3390/ijerph191710706>.
- Agarwal, S. (2022, Mac 11). Why is Mental Health Important for Teachers. Suraasa. <https://www.suraasa.com/blog/why-is-mental-health-important-for-teachers>.
- Alrashidi, N.; Alreshidi, M.S.; Dator, W.L.; Maestrado, R.; Villareal, S.; Buta, J.; Pangket, P.; Mostoles, R.J.; Gonzales, A.; Mina, E.; et al. (2022) The Mediating Role of Spiritual Intelligence on Well-Being and Life Satisfaction among Nurses in the Context of the COVID-19 Pandemic: A Path Analysis. *Behav. Sci*, 12, 515. <https://doi.org/10.3390/bs12120515>
- Ahoei, K., Faramarzi, M., & Hassanzadeh, R. (2017). The relationship between spiritual intelligence and psychological well-being in women with breast cancer. *Shiraz E Medical Journal*, 18(10). <https://doi.org/10.5812/semj.15103>
- Ajele, W. K., Oladejo, T. A., Akanni, A. A., & Babalola, O. B. (2021). Spiritual intelligence, mindfulness, emotional dysregulation, depression relationship with mental well-being among persons with diabetes during COVID-19 pandemic. *Journal of Diabetes and Metabolic Disorders*, 20(2), 1705–1714. <https://doi.org/10.1007/s40200-021-00927-8>
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, (2016) . Matlamat kecerdasan rohani menurut perspektif islam. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 169–185.
- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R. and Tatham, R. (2006) *Multivariate Data Analysis*. 6th Edition, Pearson Prentice Hall, Upper Saddle River.
- Harith Amlus, Ahmad Zaidi Abdullah, Amlus Ibrahim & Mokhtarudin, H. (2014). The Relationship of Training on Manufacturing Capabilities among Electrical and Electronic Manufacturers in Malaysia. *Applied Mechanics and Materials*. 793. 10.4028/www.scientific.net/AMM.793.663.
- Ibrahim, Safari. (2020). A Study on the Relationship Between Burnout and Job Satisfaction of Iranian EFL Teachers Working in Universities and Schools. *Journal on Efficiency and Responsibility in Education and Science*. 13. 164-173. 10.7160/eriesj.2020.130401.
- Irshad Ahmad Nagar. (2018). Mental health of teachers. *International Journal of Research and Analytical Reviews (IJRAR)*. 5, (4). 275-279.
- Irenne & Wisesa, A. (2020). Analyzing How Spiritual Intelligence Affecting Stress Coping in Stress Management. *Jurnal Ilmu Sosial, Politik & Humaniora*. 3, (2), 1-12.
- Ishak, A. R.; Adnan, N. A.; Aziz, M. Y.; Nazl, S. N.; Mualif, S. A.; Ishar, S. M.; Suaidi, N. A. & Aziz, M. Y. A.. (2022). The Impact of the Covid-19 Pandemic on Depression, Anxiety, and Stress among Teachers in Malaysia: A Cross-sectional Study. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*; 18(8):43-49. doi:10.47836.
- Jmenez, E. C. (2021). Impact of Mental Health and Stress Level of Teachers to Learning Resource Development. *Shanlax International Journal of Education*,9(2),1-11. DOI: <https://doi.org/10.34293/education.v9i2.3702>
- Khosravi, M., & Nikmanesh, Z. (2014). Relationship of spiritual intelligence with resilience and perceived stress. *Iranian journal of psychiatry and behavioral sciences*, 8(4), 52–56.
- Koenig, H. G. (2010). Spirituality and mental health. *International Journal of Applied Psychoanalytic Studies*, 7(2), 116-122.
- Lee-Fong, G., Daniels, L. B., & Slifka, L. M. (2022). Spiritual intelligence and psychological well-being in refugees. *Mental Health, Religion and Culture*, 25(4), 401–413. <https://doi.org/10.1080/13674676.2022.2032626>.
- Matveev, V. (2021). Teachers' Job Satisfaction and Desire to Leave the Profession. *International Scientific and Practical Conference Education in a Changing World: Global Challenges and National Priorities*. 627-635. 10.15405/epsbs.2021.07.02.75.
- Madigan, D. J., & Kim, L. E. (2020). Does teacher burnout affect students? A systematic review of its association with academic achievement and student-reported outcomes. *International Journal of Educational Research*. 101174. ISSN 1873-538X. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101714>.

- Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin. (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 273–284. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-20>
- Mayasari, E. D., Evanjeli, L. A., Anggadewi, B. E. T., & Purnomo, P. (2022). Kesehatan Mental Guru Sekolah Dasar Selama Mengajar Daring. *Journal of Psychological Science and Profession*, 6(1), 33. <https://doi.org/10.24198/jpsp.v6i1.36932>.
- Nik Hasnah Ismail (2014 Ogos 15). Guru ejen pengubah masyarakat. *BeritaHarian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/08/722/guru-ejen-pengubah-masyarakat>.
- Nur Ayu Seftiani & Benny Herlena. (2018). Kecerdasan Spiritual Sebagai Prediktor Kesejahteraan Subjektif Pada Mahasiswa. *Jurnal Psikologi Integratif*, 6(1), 101. <https://doi.org/10.14421/jpsi.v6i1.1473>
- Pereira, F. V., & Mathew, M. M. (2020). Effect of Spiritual Intelligence on School Teachers : In reference to Prayagraj District. *International Journal for Innovative Research in Multidisciplinary Field*, 6(2), 132–136.
- Premjani, S. (2022 Julai 31). Effects of Spiritual Intelligence on Well-being. *Psychline.in*. <https://www.psychline.in/blog/effects-of-spiritual-intelligence-on-well-being/>.
- Puchalski C M, Post S G, & Sloan R P, (2009). Ethical Concerns and Boundaries in Spirituality and Health. *American Medical Association Journal of Ethics*, 11(10), 804–815. www.virtualmentor.org
- Rosni Wazir (2020), Tuntutan Kesejahteraan mental Menurut Maqasid Al-Sunnah, Persidangan Antarabangsa Isu-isu Semasa Al-quran Dan Hadis THIQAH 2020: Pengajian Hadis di Kolej Universiti Islam Antarabangs Selangor (KUIS) dan Universiti Ahmad Dahlan (UAD) dalam mendepani era IR 4.0.
- Razia, B. (2019). Effect of spiritual intelligence on well-being of prospective teachers. *Research and Reflections on Education*, 17(3), 9. <http://www.sxcejournal.com/jul-sep-2019/paper3.pdf>.
- Siti Nur Ain Rembli, Norazlina Ripain & Marhaini Abdul Ghani. (2020). Tekanan Pekerjaan dan Kesejahteraan mental Guru. *Proceeding of the 7 Th International Conference on Management and Muamalah, 2020*, 412–419.
- Suhaya Deraman suhaya, Noraini Abdol Raop, Siti Aishah Yahya & Siti Nazurulaina Hj. Aripin. (2022). Kecerdasan Spiritual dan Kesejahteraan mental Remaja. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science*. 7 (1): 61-69
- Siadari. C. (2020, Oktober 21). Pengertian Kecerdasan Spiritual Menurut Para Ahli. Kumpulan Pengertian. <https://www.kumpulanpengertian.com/2020/10/pengertian-kecerdasan-spiritual-menurut.html>.
- Sahebalzamani, M., Farahani, H., Abasi, R., & Talebi, M. (2013). The relationship between spiritual intelligence with psychological well-being and purpose in the life of nurses. *Iranian journal of nursing and midwifery research*, 18(1), 38–41
- Satpathy T. K. & Samanta S. (2022). Influence of Spiritual Intelligence on human psychology-a review. *Wutan Huatan Jisuan Jishu*, XVI(X), 665–676. <https://www.researchgate.net/publication/358796752>.
- Siti Nazurulaina Haji Aripin, Siti Aishah Yahya, Suhaya Deraman, & Noraini Abdol Raop (2021). Kecerdasan spiritual dan kesejahteraan mental remaja. *Jurnal Ulwan*, 6(1), 145–146. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/850>.
- Salwana Mohd Idris (2021, Januari 25). COVID 19: Norma Baharu dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *UMPNews*. <https://news.ump.edu.my/qa/covid-19-norma-baharu-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran>.
- Sze, W. Y., Surat, S., & Amat, S. (2022). Tekanan dan Cabaran Guru Terhadap Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19 di Sebuah Daerah Negeri Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 230–239. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1244>.

- Selvanathan, M., Jayabalan, N., Saini, G., Supramaniam, M. & Hussain, N., (2020). Employee Productivity in Malaysian Private Higher Educational Institutions. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology*, 17. 66-79. 10.48080/jae. v17i3.50.
- Vaughan, F. (2002). What is Spiritual Intelligence? *Journal of Humanistic Psychology*, 42(2), 16–33. <https://doi.org/10.1177/0022167802422003>.
- Vijay m, G. J. M. (2020). Influence of Spiritual Intelligence on Mental Well-Being Among Married Couples. *Journal of Applied Research*, 10(5), 3–6. <https://doi.org/10.36106/ijar>.
- World Health Organization. (2021 Jun 17). Mental health: Strengthening our response. WHO. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-strengthening-our-response>.
- Wirawani Kamarulzaman & Wirawahida Kamarul Zaman. (2022). Teaching staff's general health status during the Covid-19 pandemic. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 4(1), 157–165.